


<p>Dagangan : HIGH PRESSURE LAMINATES Nama Perdagangan : High Pressure Laminates (HPL)</p>	<p>Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) : 3921.90 210 Tarikh Kelulusan : 10 Oktober 2016</p>
--	---

Keterangan barangan :

Barangan dikenali sebagai High Pressure Laminates atau HPL yang telah mengalami pemerosesan *high pressure laminated*. Ia diperbuat daripada kertas yang telah disalutii dengan resin silica (phenol) dan *melamine resin* di bawah suhu dan tekanan tinggi.

Gambar High Pressure Laminates




Pandangan depan



Pandangan belakang

Gambar komposisi High pressure Laminates(HPL)



Komposisi High Pressure Laminates(HPL)

HPL adalah diperbuat daripada kertas yang diperkuatkan oleh Melamine seperti di bawah :

- a) Permukaan tahan geseran.
- b) Permukaan Pencetakan Corak(direndam perekat Melamin)
- c) Lapisan Penampil.
- d) Lapisan Bawah (kertas kitar semula)


Komposisi Permukaan tahan geseran dan permukaan pencetakan terdiri daripada 47-49 % dan permukaan bawah terdiri daripada 51-53 % daripada komposisi keseluruhan.

Berdasarkan laporan pakar:

- Sample bertanda '*High Pressure Laminates(HPL)*' berupa kepingan yang keras, berbentuk segiempat dengan ukuran panjang 29.8cm, lebar 20.6cm dan tebal 0.67mm. Salah satu permukaannya mempunyai corak dan berwarna coklat manakala permukaan sebaliknya berwarna putih.
- Setelah diperiksa dan dianalisa didapati lapisan bercorak dan berwarna coklat adalah lebih tebal yang diperbuat daripada bahan '*cellulose*'. Manakala lapisan berwarna putih diperbuat daripada '*melamine-fomaldehyde resin*'
- Dagangan ini dikatakan 'diperbuat daripada kertas lapisan yang diperkuat oleh *melanine*'. Kod tariff yang dicadangkan di bawah Kepala 3921.90 210.

Kegunaan HPL sebagai pelapik permukaan perabot seperti wardrobe, kabinet dapur, meja makan dan sebagainya agar kelihatan kemas dan menarik.

Barang ini akan dipotong mengikut saiz yang sesuai dan dilapiskan ke atas permukaan perabot yang berkenaan dan berfungsi sebagai alas permukaan untuk memberi ciri-ciri perhiasan dan perlindungan kepada perabot.



Ketua Pengarah Kastam Malaysia memutuskan barangan tersebut sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **3921.90 210** sebagai "**Plates and sheets of other condensation or rearrangement polymerisation products**" berdasarkan alasan-alasan berikut ;

Analisa Pakar mengesahkan barangan adalah kepingan yang terdiri daripada *melamine-fomaldehyde resin cellulose* dan *phenolic resin* selaras dengan komposisi seperti yang dinyatakan oleh pemohon.